

Tujuan dasar ekonomi baru dijelaskan¹⁹⁶

Bukan utk

kayakan

Bumi

putera'

KUALA LUMPUR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini berkata Dasar Ekonomi Baru bukan janji semua Bumiputera dan setiap orang miskin akan menjadi kaya raya.

Dasar Ekonomi Baru bertujuan bahawa pukul rata ramai rakyat yang mendapat faedah dari perlaksanaannya, katanya.

Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, membidas golongan yang mengancam Dasar Ekonomi Baru, kononnya dasar tersebut hanya menguntungkan segelintir Bumiputera.

Di samping itu, tegur beliau, ada juga pihak yang mengapi-apikan slogan "yang miskin menjadi lebih miskin dan yang kaya lebih kaya."

Berucap merasmikan Konvensyen Ekonomi Bumiputera di Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi, Dato Seri Dr. Mahathir menjelaskan: "Dasar Ekonomi Baru adalah dasar umum bagi mengurangkan kepincangan antara kaum dan membasmi kemiskinan."

Bukan satu janji

Dasar tersebut, jelasnya bukan satu janji bahawa semua Bumiputera dan tiap-tiap yang miskin akan menjadi kayaraya.

Oleh itu, katanya, sekiranya pada 1990, iaitu tempoh pencapaian matlamat dasar itu, masih ada Bumiputera yang bukan jutawan, ini tidak bermakna Dasar Ekonomi Baru telah gagal, jika di samping itu, pukul rata ramai yang mendapat nikmat sedikit sebanyak dari perlaksanaannya.

"Kita tidak mungkin dengan sekali gus, serentak dan menyeluruh menjadikan semua yang miskin kaya.

"Dari segi tafsiran sekali pun ini tidak mungkin. Adanya kaya ialah kerana adanya miskin — sekurang-kurangnya secara relatif.

"Yang kita perangi ialah miskin secara 'absolute', tapi di negara ini, hal itu tidak mungkin," tegasnya.

Dalam menghadapi masalah ekonomi Bumiputera, ujar Dato Seri Dr. Mahathir, kita harus menentukan sikap dan matlamat kita.

Jangan kita terlalu terpengaruh dengan falsafah Marxist dan sosialis, kerana kebahagiaan hidup bukan berasas kepada kekayaan material semata-mata.

Teori bahawa sejarah manusia adalah sejarah pertentangan antara miskin dan kaya semata-mata adalah cetek dan tidak benar.

"Manusia tidak hidup semata-mata untuk merebut kekayaan sebagai cara mencapai kebahagiaan dan keseronokan di dunia.

Nilai2

"Sebaliknya ada nilai-nilai yang lebih tinggi, iaitu nilai rohaniyah umpamanya yang boleh memberi kebahagiaan dan ketenangan jiwa walau pun kekayaan kebendaan tidak sebegitu," jelasnya.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri berharap orang-orang Melayu sebaliknya tidak akan meniadakan kesan dan peranan kekayaan material sehingga "kita menolak semua kekayaan dan berkempenn untuk menghapus kekayaan dan secara menyeluruh mengancam mereka yang berada.

Beliau mengingatkan kekayaan material mempunyai keupayaan bukan saja dalam memberi pendidikan mewah tapi juga untuk mengekalkan keagamaan

dan kepercayaan kepada agama Islam sendiri.

"Ramai orang-orang keturunan orang Islam tidak lagi Islam kerana sudah jatuh miskin. Malah kemiskinan menghampiri kekufuran disebut dengan jelas dalam Quran.

"Jelaslah ini amat berbeda dari anggapan ramal bahawa kemiskinan itu adalah sama dengan keimanan yang kukuh," terangnya.

Dr. Mahathir menekankan pentingnya orang Bumiputera mempunyai perspektif yang betul terhadap "miskin dan kaya" jika mahu membetulkan kepincangan ekonomi yang ada sekarang.

MUKA 12 RIANG 10

**Mahathir
kecam
golongan
tak ingin
kekayaan**

DARI MUKA 1

Jika pada waktu kita miskin kita menganggap keadaan itu tidak adil, katanya janganlah pula apabila saja kita cuba kurangkan kemiskinan maka kita kecam pula perubahan yang berlaku.

Timbalan Perdana Menteri turut kesal atas sikap setengah Bumiputera yang hanya mementingkan diri sendiri, mengharapka bahawa Dasar Ekonomi Baru itu dapat mewujudkan dia sendiri sebagai jutawan Bumiputera.

Golongan ini, tegasnya berpendirian jika ada orang lain jadi jutawan tidak apa, tapi jangan Bumiputera.

Malangnya bila tidak ada jutawan Bumiputera, maka timbul pula soal kenapa orang lain boleh jadi jutawan dan berkereta Rolls-Royce, tapi Bumiputera tidak menikmati kemewahan itu.

Golongan ini, tegas Dato Seri Dr. Mahathir hanya mengertikan jutawan Bumiputera itu hak mereka semata-mata.

Dato Seri Dr. Mahathir turut membidas golongan yang mengancam kekayaan sebagai materialistik dan semua usaha mencari kekayaan sebagai hampir perbuatan jenayah.

Apabila ini berlaku bukan saja masyarakat menjadi keliru dan tidak tentu arah, malah semua individu Bumiputera juga akan hilang haluan, jelasnya.

Hipokrisi menguasai semua lapisan sehingga mereka yang sudah kaya hasil pelaksanaan DEB turut mengancam kekayaan kerana kononnya bertentangan dengan kerohanian.

"Jika ada satu ketika di mana ramai meludah ke langit, inilah masanya," kata beliau.

Menyentuh DEB lagi, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, sejak dilancarkan hampir semua khususnya orang Islam telah menerima nikmat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Hakikat ini, tegasnya perlu diakui dan diterima dan malah amatlah tidak sesuai dengan agama Islam jika kita menafikan nikmat yang telah kita terima, kerana semuanya adalah pemberian Allah.

Bagi mereka yang menafikan nikmat yang telah mereka terima, bukan saja mereka tidak akan menerima nikmat lagi tapi mereka akan menerima keazaban yang amat teruk.

"Apa yang dikehendaki oleh agama Islam ialah supaya kita tidak keterlaluan dalam tuturkata dan gerak-geri.

"Oleh itu, dalam memperkatakan sesuatu janganlah melampaui batas sehingga tidak lagi benar apa yang kita katakan."